

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN DATO' ABDULLAH SANI  
BIN ABDUL HAMID [KAPAR]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan melalui program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan jumlah penerima bagi program tersebut. Apakah Kerajaan juga bercadang untuk menambah jumlah peruntukan kepada program ini berdasarkan pandemik COVID-19 yang dilihat belum ada kesudahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020 dengan nilai RM35 bilion yang bertujuan untuk memulihkan dan menjana semula ekonomi negara dalam jangka masa pendek. Ia merupakan kesinambungan usaha pakej rangsangan ekonomi Kerajaan dalam terus membantu keadaan ekonomi semasa yang masih dalam fasa pemulihan.

2. Sehingga 20 November 2020, daripada RM35 bilion yang diperuntukkan bagi PENJANA, sebanyak RM14.58 bilion atau 42% telah dibelanjakan. Kemajuan perbelanjaan PENJANA adalah seperti berikut:-

- i. Bagi teras pertama yang bertujuan untuk memperkasakan rakyat, sebanyak RM7.15 bilion atau 54% daripada RM13.2 bilion telah dibelanjakan yang memanfaatkan sejumlah 1.36 juta penerima.
- ii. Bagi teras kedua yang bertujuan untuk melonjak perniagaan, sebanyak RM5.54 bilion atau 38% daripada RM14.7 bilion telah dibelanjakan yang telah memanfaatkan lebih daripada 40,000 perniagaan.
- iii. Bagi teras ketiga yang bertujuan untuk merangsang ekonomi, sebanyak RM1.9 bilion atau 27% daripada RM7.1 bilion telah dibelanjakan yang telah memanfaatkan sekitar 11.36 juta penerima.

3. Kerajaan kekal prihatin dengan keadaan ekonomi negara yang masih dalam fasa pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan pada 23 September 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: KITA PRIHATIN yang bernilai RM10 bilion. Pakej tambahan ini merupakan kesinambungan kepada pakej PRIHATIN dan PENJANA yang bertujuan meringankan beban rakyat, mengekalkan pekerjaan serta membantu perniagaan.

4. Inisiatif tambahan ini disalurkan melalui mekanisme Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0) sebanyak RM7 bilion, Program Subsidi Upah 2.0 sebanyak RM2.4 bilion dan Geran Khas PRIHATIN 2.0 (GKP 2.0) sebanyak RM600 juta. Ketiga-tiga kesinambungan inisiatif tersebut akan terus dapat membantu rakyat dan peniaga yang masih terjejas dalam fasa pemulihan tersebut. Selain itu, semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 yang lalu, Kementerian Kewangan turut mengumumkan pelbagai inisiatif tambahan bagi membantu rakyat, golongan peniaga kecil dan PKS mikro serta sektor ekonomi.

5. Kerajaan akan memastikan semua program di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi dan inisiatif Belanjawan 2021 yang dirancang dan sedang berlangsung akan dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Kementerian Kewangan melalui unit LAKSANA akan memantau setiap pelaksanaan inisiatif yang telah dibentangkan bagi memastikan ianya mencapai impak yang disasarkan serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan sekiranya perlu. Pihak Kerajaan akan meneliti sebarang keperluan penambahan jumlah peruntukan di mana perlu tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.

Sekian, terima kasih.